

Zikir Harian

Zikir 1

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

“Cukuplah Allah bagiku, tiada tuhan yang layak disembah melainkan Dia. Kepada-Nya aku bertawakal, Dialah Tuhan yang memiliki ‘Arasy yang agung.”

Kelebihan: Sesiapa yang membaca zikir ini sebanyak tujuh kali pada waktu pagi atau petang, Allah akan mengurniakan apa sahaja yang dia inginkan daripada urusan dunia atau akhirat.

[Riwayat Sahih oleh Ibn as-Sunni (no. 71) dan Abu Daud (4/321)]

Zikir 2

Dua kalimah yang disukai oleh Tuhan Yang Maha Pengasih, ringan di lidah tetapi berat dalam timbangan (pahala):

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

“Maha Suci Allah dan segala puji bagi-Nya; Maha Suci Allah Yang Maha Agung.”

[Riwayat Bukhari dan Muslim]

Zikir 3

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Rasulullah SAW bersabda bahawa perbanyaklah mengucapkan لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ kerana sesungguhnya ia adalah salah satu daripada khazanah (harta simpanan) syurga.

[Riwayat at-Tirmizi (3601). Hadis ini adalah sahih.]

Zikir 4

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Maha Suci Allah, Segala puji bagi Allah, Tiada tuhan melainkan Allah, dan Allah Maha Besar.”

Kelebihan: Empat kalimah ini adalah zikir yang paling mulia dan disukai oleh Allah. Tidak mengapa dengan susunan mana pun kamu menyebutnya.

[Riwayat Muslim (2137)]

Zikir 5

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Tiada yang berhak disembah melainkan Allah semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya. Milik-Nya segala kerajaan dan bagi-Nya segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.”

(Baca 100 kali pada waktu pagi)

Kelebihan: Sesiapa yang membaca zikir ini sebanyak seratus kali sehari akan mendapat ganjaran seperti membebaskan sepuluh orang hamba. Seratus pahala akan ditulis untuknya dan seratus dosanya akan dihapuskan. Dia juga akan dilindungi daripada gangguan syaitan hingga ke petang. Tiada seorang pun yang dapat melakukan sesuatu yang lebih baik daripada ini kecuali orang yang membaca lebih banyak daripadanya.

[Riwayat al-Bukhari 4/95, Muslim 4/2071]



RUJUKAN

- Al-Azkar al-Muntakhabah min Kalaam Sayyid al-Abraar. al-Imam Muhyiddin Yahya bin Syaraf al-Nawawi (Imam an-Nawawi). Dar Ibnu Khuzaimah.
- Ensiklopedia Dzikir & Doa al-Imam an-Nawawi. Izzudin Karimi, Ahmad Syaikhu & Luqman Hakim. Darul Haq.
- Hisnul Muslim. Syaikh Sa’id bin ‘Ali bin Wahf al-Qahtani.
- Terjemahan Hisnul Muslim: Perisai Muslim, Himpunan Doa dan Zikir daripada Al-Quran dan As-Sunnah. Abdul Basit bin Hj Abdul Rahman.
- Inilah Doaku. Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri.
- Zikir dan Doa Muslimah Solehah. Ustazah Datuk Dr. Norhafizah Musa & Abu Ayyub El-Faruqi. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Koleksi Doa & Zikir, Adab & Panduan Berdoa Yang Diajar Oleh Rasulullah SAW. Ustaz Salehuddin bin Abu Samah.